

# PERUTUSAN PENGARAH

Assalamualaikum dan Salam 1 Malaysia,

Alhamdulillah, bersyukur saya ke hadrat Ilahi, kerana dengan limpah kurniaNya, Jabatan Alam Sekitar Negeri Kedah berjaya menerbitkan Laporan Tahunan bagi tahun 2013.



Sepanjang tempoh sembilan belas (19) tahun beroperasi semenjak tahun 1995, Jabatan Alam Sekitar Negeri Kedah telah melaksanakan pelbagai usaha untuk meningkatkan mutu perkhidmatan dan menguatkuasakan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Pelbagai kaedah dijalankan untuk melaksanakan tanggungjawab yang telah di amanahkan melalui aktiviti menguatkuasaan, pemantauan dan pendidikan serta kesedaran awam.

Seiring dengan usaha untuk meningkatkan mutu perkhidmatan, Jabatan ini berjaya mengekalkan Pengurusan Kualiti ISO 9001:2008 semenjak tahun 2008 iaitu persijilan semula Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2008 daripada SIRIM QAS International Sdn. Bhd. bagi tempoh 19 Mac 2013 sehingga 18 Mac 2014 bagi skop persijilan Prosedur Memproses Laporan EIA dan Penguatkuasaan Syarat-syarat EIA.

Akta Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan 2012) menjadi lebih mantap menerusi pindaan peruntukan di bawah Seksyen, Peraturan dan terma tafsiran. Selain itu, terdapat banyak penambahbaikan yang telah di lakukan seperti mewujudkan Prosedur Tetap Operasi, Garispanduan, Arahan-arahan Pejabat yang mengambilkira isu semasa untuk di jadikan panduan oleh pegawai-pegawai di Jabatan ini.

Selain memantapkan aktiviti penguatkuasaan, program pendidikan dan kesedaran awam juga di perhebatkan. Program Rakan Alam Sekitar (RAS) di bentuk bagi meningkatkan kesedaran, menanamkan rasa tanggungjawab dan menyediakan saluran yang tepat kepada orang awam dalam aktiviti pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar serta membantu membanteras aktiviti yang merosakkan dan mencemarkan alam sekitar. Untuk menjayakan program RAS ini, tambahan pusat rujukan RAS di tubuhkan iaitu Pusat Sumber RAS dengan kerjasama Pusat Khidmat Masyarakat Komuniti sebagai usaha yang berterusan untuk meningkatkan keperihatinan masyarakat terhadap penjagaan alam sekitar.

Akhir kata, saya merakamkan penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua pihak samaada Jabatan Kerajaan, badan bukan kerajaan dan orang awam yang sedia bekerjasama dengan warga kerja Jabatan Alam Sekitar Negeri Kedah bagi memantapkan pengurusan alam sekitar di Kedah .

**MOHAMAD SAYUTI BIN SEPEAI AMK**

Pengarah

Jabatan Alam Sekitar Negeri Kedah

